

Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKBAR ANDA

KHAMIS, 10 MAC, 1983

Sikap British yang angkuh penghalang hubungan erat

RENCANA PENGARANG

PERHUBUNGAN Malaysia dengan Britain tidaklah begitu erat seperti dahulu kerana beberapa sebab. Perkara yang sangat tidak disenangi oleh Malaysia ialah kenaikan bayaran belajar di universiti-universiti negara itu yang menyebabkan penderitaan dan kesulitan yang begitu berat kepada pelajar-pelajar kita dan ibu bapa kita.

Kerajaan terpaksa mengikhtikarkan tempat-tempat lain di Kanada, Australia, New Zealand, Belgium serta di negara-negara Asia untuk menampung pelajar-pelajar kita melanjutkan pengajian tinggi mereka. Segala rayuan untuk menimbangkan kesulitan-kesulitan itu tidak didengar oleh Kerajaan British.

Soal pembelian syarikat-syarikat British di Malaysia juga menimbulkan salah faham Britain terhadap niat Kerajaan Malaysia yang sebenarnya. Tetapi walaupun ada soal-soal ini yang menimbulkan kesulitan dalam perhubungan kedua-dua negara, namun pada

umumnya perhubungan itu berjalan baik.

Kerajaan British di masa akhir-akhir ini cuba memperbaiki perhubungan itu dan kelmarin pihaknya telah mengumumkan peruntukan khas untuk pelajar-pelajar Malaysia, Cyprus dan Hong Kong yang belajar di Britain.

Sekalipun dasar membiayai pelajar-pelajar asing di pusat-pusat pengajian tinggi tetap tidak berubah, namun nampaknya pengumuman itu dimaksudkan untuk meringankan beban pelajar-pelajar mereka di universiti-universiti dan di maktab-maktab negara itu.

Bagaimanapun, sejauh mana Kerajaan British telah menyedari hakikat bahawa pihaknya tidak boleh mengambil enteng negara kita masih belum jelas lagi. Keinginan untuk mengenali lebih dekat sikap kerajaan kita barangkali ada.

Perdana Menteri Puan Margaret Thatcher telah mengambil peluang kunjungan tidak

rasmis Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir ke Britain untuk menjemputnya ke majlis jamuan malam bersamanya.

Inilah pertama kali kedua-dua pemimpin itu berjumpa dan berunding. Walaupun tidak dapat diharapkan pertemuan itu akan menelurkan hasil besar tetapi pertemuan itu akan memberi peluang terutama sekali kepada Puan Thatcher mengetahui dasar dan sikap Malaysia dalam berbagai perkara.

Barangkali telah jelas kepada Kerajaan British bahawa Malaysia ialah sebuah negara yang merdeka dan berdaulat yang mempunyai cara-caranya dan dasarnya sendiri untuk menentukan nasib masa hadapannya. Dasar "Pandang ke Timur" menunjukkan bahawa kita tidak semata-mata mahu bergantung kepada sifatnya sebagai sebuah bekas negara yang pernah menjajah kita.

Sikap angkuh yang mempengaruhi tidak sahaja Kerajaan British tetapi juga surat-surat-khabarnya terhadap Malaysia, yang di-

pernyatakan dalam sikap masih mahu "mengajar" kita dalam serba-serbi, mahu menjadi "guru" kita tentang cara mengendalikan hidup kita, harus dikikis kerana ia menghalangi perhubungan yang berdasarkan saling mengerti dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain.

Barangkali Kerajaan British telah menyedari bahawa kita tidak boleh digertak atau diugut lagi untuk mengubah dasar kita. Kerajaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir mewakili satu generasi baharu rakyat Malaysia yang bertanggungjawab terhadap apa yang mereka putuskan dan laksanakan demi kepentingan rakyat dan masa hadapan negara.

Kita tidak mengharapkan apa-apa daripada orang lain, sekadar yang kita minta ialah pengakuan dan kesedaran bahawa Malaysia ialah sebuah negara merdeka dan berdaulat, yang tidak mahu dirinya dianggap remeh dan enteng oleh orang lain sekalipun ia sahabat lama kita.